

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM
KAWASAN : BERUAS

SOALAN NO. 320

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan jumlah peruntukan setiap tahun bagi tahun-tahun 2016, 2017, 2018, 2019 dan 2020 secara berasingan untuk lampu jalan dan penyelenggaraan jalan Persekutuan (asingkan peruntukan untuk lampu jalan dan penyelenggaraan jalan) untuk daerah Manjung dan negeri Perak).

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sentiasa komited dalam memastikan Jalan Persekutuan disenggara secara optimum bagi menjamin keselamatan serta memberikan keselesaan kepada semua pengguna jalan raya.

Bagi Negeri Perak jumlah peruntukan yang telah disalurkan untuk melaksanakan program penyenggaraan Jalan Persekutuan dari tahun 2016 sehingga kini (2020) adalah sebanyak **RM376,393,643.38** iaitu **RM369,952,439.38** bagi **program penyenggaraan Jalan** dan **RM6,441,204.00** bagi **program penyenggaraan lampu jalan dan lampu isyarat**. Perincian peruntukan tahunan yang diterima oleh JKR Negeri Perak adalah seperti di **Lampiran A**.

Daripada jumlah peruntukan tersebut, sebanyak **RM44,954,424.59** telah diagihkan kepada JKR Daerah Manjung bagi tahun 2016 sehingga tahun 2020. Peruntukan sebanyak **RM44,440,262.33** telah digunakan untuk melaksanakan program penyenggaraan jalan dan sebanyak **RM514,162.26** telah dibelanjakan untuk melaksanakan penyenggaraan lampu jalan dan lampu isyarat di Daerah Manjung, Perak. Perincian peruntukan tahunan yang diterima oleh JKR Daerah Manjung adalah seperti di **Lampiran B**.

Sekian, terima kasih.

Lampiran A

Peruntukan Penyenggaraan Jalan Persekutuan bagi Negeri Perak

TAHUN	PERUNTUKAN PENYENGGARAAN JALAN	PERUNTUKAN PENYENGGARAAN LAMPU JALAN & LAMPU ISYARAT	JUMLAH (RM)
2016	RM 53,630,489.09	RM 1,920,000.00	RM 55,550,489.09
2017	RM 70,596,208.04	RM 876,160.00	RM 71,472,368.04
2018	RM 79,034,081.56	RM 1,070,000.00	RM 80,104,081.56
2019	RM 72,087,406.69	RM 950,000.00	RM 73,037,406.69
2020	RM 94,604,254.00	RM 1,625,044.00	RM 96,229,298.00
JUMLAH	RM 369,952,439.38	RM 6,441,204.00	RM 376,393,643.38

Lampiran B

Peruntukan Penyenggaraan Jalan Persekutuan bagi Daerah Manjung, Perak

TAHUN	PERUNTUKAN PENYENGGARAAN JALAN	PERUNTUKAN PENYENGGARAAN LAMPU JALAN & LAMPU ISYARAT	JUMLAH (RM)
2016	RM 6,578,925.36	RM 110,701.04	RM 6,689,626.40
2017	RM 10,630,715.70	RM 15,900.00	RM 10,646,615.70
2018	RM 11,861,688.24	RM 38,625.00	RM 11,900,313.24
2019	RM 5,252,952.09	RM 52,392.02	RM 5,305,344.11
2020	RM 10,115,980.94	RM 296,544.20	RM 10,412,525.14
JUMLAH	RM 44,440,262.33	RM 514,162.26	RM 44,954,424.59